

1,465 lagi mangsa bah pindah

Johor ambil tindakan berjaga-jaga sungai utama cecah paras bahaya

Oleh Mohamed Farid Noh
dan Mahani Ishak
bhjb@bharian.com.my

● SHAHRUL M.ZAIN | BERITA HARIAN

KLUANG: Seramai 1,465 mangsa banjir gelombang kedua di negeri ini mula dipindahkan ke 18 pusat pemindahan sehingga jam 10 malam tadi berikutan hujan lebat yang melanda sejak Sabtu lalu.

Pusat pemindahan berkenaan membabitkan 13 di Kluang; dua di Segamat, manakala masing-masing sebuah di Batu Pahat, Johor Bahru dan Kota Tinggi.

Kluang mencatatkan mangsa banjir teramai dengan 880 mangsa daripada 221 keluarga yang sebahagian besar ditempatkan di Balai Raya Kampung Mengkibol Batu 4; Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Ping Min dan Sekolah Kebangsaan Sri Kenchana, Renggam.

Semua mangsa banjir mula berpindah sejak malam kelmarin apabila paras air Sungai Mengkibol, di sini, naik ke tahap 25.99 meter berbanding tahap bahaya 25.46 meter.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kluang, Deputy Superintendan Mohd Noor Mohamad, menasihatkan orang ramai mematuhi arahan pihak berkuasa untuk berpindah segera ke tempat pemindahan banjir terutama di kawasan terjejas.

“Bilik gerakan banjir di Ibu Pejabat Polis Daerah Kluang juga sudah mula beroperasi sejak jam 2 petang tadi (semalam) dan ia boleh dihubungi menerusi talian 07-7722222 bagi melaporkan kejadian banjir mahupun mendapat maklumat terkini,” katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Di Johor Bahru pula 257 penduduk daripada 56 keluarga dari Kampung Laut, Skudai dipindahkan ke pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Skudai Batu 10.



ANGGOTA RELA membantu Maznah Jaalam, 64, dan cucunya Hafid Jamhadi, 3 berpindah ke pusat pemindahan sementara selepas kediamannya dinaiki air di Kluang, semalam.

Seramai 350 penduduk di lima kampung Orang Asli di Kahang juga terputus hubungan apabila jalan ke kampung berkenaan tidak dapat dilalui apabila dinaiki air Sungai Kahang sedalam hampir 2 meter.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor, Khatijah Abdullah berkata, pihaknya kini berada dalam keadaan berjaga-jaga berikutan sungai utama di negeri ini mencatatkan peningkatan sehingga mencecah paras bahaya.

“Selain di Kluang, JKM juga membuka pusat pemindahan banjir di Balai Raya Kampung Usaha Jaya, Labis, Segamat; Balai Raya Kampung Parit Haji Kamisan, Yong Peng; Batu Pahat dan terbaru di kawasan Skudai Kiri, Johor Bahru.

“Kita juga mengarahkan 391 kakitangan di seluruh negeri bersama 700 sukarelawan yang bersedia menghadapi gelombang kedua di negeri ini seterusnya membuka pusat pemindahan banjir terutama di kawasan terjejas.

“Kami bekerjasama rapat bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) peringkat negeri selain agensi penyelamat lain bagi melicinkan proses pemindahan penduduk ke pusat pemindahan selain mengagihkan bantuan serta keperluan utama seperti makanan dengan seberapa segera,” katanya.

Di Batu Pahat, seramai enam mangsa banjir dari Kampung Parit Haji Kamisan, mula dipindahkan semalam ke balai raya kampung

berkenaan apabila air Sungai Lenik meningkat ke tahap 6.63 meter iaitu melebihi paras bahaya 6 meter.

Jurucakap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berkata, air Sungai Muar dan Sungai Benut kini meningkat melebihi paras amaran apabila mencecah paras 19.85 meter berbanding paras normal 18.95 meter dan pemantauan sedang dilakukan terhadap semua sungai utama negeri.

“Aras air Sungai Muar di Buloh Kasap, Segamat juga meningkat daripada 7.92 meter kepada 8.55 meter dan orang ramai di kedua-dua kawasan berkenaan dinasihat berjaga-jaga dengan kemungkinan paras air sungai akan meningkat lagi,” katanya.